



PERADUAN KIRA DEEJA GEGAR

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd (403472-D)
2.	Stesen Radio	GEGAR
3.	Nama Peraduan	KIRA DEEJA GEGAR
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Peraduan ini membolehkan peserta memenangi wang tunai RM100 ataupun yang terkumpul pada hari tersebut jika berjaya memberikan jawapan yang betul
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	a) Jadi pemanggil terpantas selepas mendengar isyarat memanggil keudara b) Penyampai akan memberi ayat eg: 'DEEJA' yang di ulang sebanyak beberapa kali c) Teka berapa jumlah ayat yang telah disebutkan oleh penyampai d) Jawapan yang betul akan memenangi wang tunai berjumlah Rm100 e) Jika gagal menjawab dengan betul, wang tersebut akan ditambah dan dibawa ke segmen berikutnya.
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 25 Feb 2018. Dalam situasi di mana seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini. Pihak Penganjur adalah menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :- a) Pekerja-pekerja Penganjur, Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 25 Feb 2018
9.	Caj	Caj telekomunikasi lazim akan dikenakan
10.	Tempoh Peraduan	25 Feb 2018 hingga 23 Februari 2019
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia.
12.	Prosedur Penyertaan	Peserta hanya perlu memberikan jawapan yang betul untuk memenangi wang tunai

13.	Tarikh Tutup Penyertaan	23 Februari 2019
14.	Cara Penghantaran	Melalui Panggilan Telefon
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd All Asia Broadcast Centre Technology Park Malaysia Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Peserta yang berjaya memberikan jawapan dengan betul
17.	Hadiah	Wang Tunai RM 100 ataupun yang terkumpul pada hari tersebut
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Pengumuman akan dilakukan sebaik sahaja peraduan tamat
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Pemindahan Telegraf oleh Penganjur ke akaun bank Pemenang dalam masa 1 bulan dari tarikh pemberitahuan
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Tidak berkenaan.
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI</p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p> <p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <p>a) talian telefon terputus atau terganggu; atau</p> <p>b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talin-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau</p> <p>c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan;</p> <p>d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil;</p> <p>Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p> <p>Semua peserta bersetuju untuk menyerahkan dan memindahkan kepada Penganjur dan syarikat-syarikat berkaitan hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksploitasi mana-mana dan semua video yang kamu muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa saaraan atau royalti kepada kamu.</p> <p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.